

LAMPIRAN D1

SENARAI ELAUN YANG DIKEKALKAN

SENARAI ELAUN YANG DIKEKALKAN

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
A. Imbuhan Tetap		
1.	Bayaran Bantuan Sewa Rumah	Imbuhan Tetap Perumahan
2.	Elaun Keraian	Imbuhan Tetap Keraian
3.	Elaun Khidmat Awam	Imbuhan Tetap Khidmat Awam
B. Bayaran Insentif		
1.	Elaun Gantian Tetap Bomba	Bayaran Insentif Bomba
2.	Elaun Kemahiran Dua Bahasa Bagi Jurutrengkas	Bayaran Insentif Kemahiran Dua Bahasa Bagi Jurutrengkas
3.	Elaun Khas Atendan Bilik Mayat	Bayaran Insentif Atendan Bilik Mayat
4.	Elaun Khas Badan Pencegah Rasuah	Bayaran Insentif Badan Pencegah Rasuah
5.	Elaun Khas Buruh Angkat Najis	Bayaran Insentif Angkat Najis
6.	Elaun Pakar	Bayaran Insentif Pakar
7.	Elaun Pemeriksa Kapal Terbang	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang
8.	Elaun-elaun Sukarelawan Pertahanan Awam	Bayaran Insentif Sukarelawan Pertahanan Awam
9.	Elaun Wilayah	Bayaran Insentif Wilayah
10.	<i>Shunting Staff Bonus</i>	Bayaran Insentif <i>Shunting Staff</i>

11. Elaun Bahasa	Bayaran Insentif Bahasa
12. Elaun Diploma Kesihatan	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam
13. Elaun Khas Guru-guru Mengajar Murid-murid Cacat Pendengaran Dan Penglihatan	Bayaran Insentif Mengajar Kanak-kanak Cacat
14. Elaun Tugas Menaip Jawi	Bayaran Insentif Menaip Jawi
15. Elaun Gerakan Malim (Bonus)	Bayaran Insentif Gerakan Malim
16. Elaun Juruterbang Jabatan Penerbangan Awam	Bayaran Insentif Penerbangan (Jabatan Penerbangan Awam)
17. Elaun Penerbangan, Jabatan Ukur/Jabatan Perikanan/Jabatan Kajicuaca	Bayaran Insentif Perudara
18. Elaun Perudara Kementerian Kesihatan	Bayaran Insentif Perudara Kementerian Kesihatan
19. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya Jangkitan Penyakit Tibi	Bayaran Insentif Bagi Anggota Perubatan Kerana Merawat Pesakit Tibi
20. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya Jangkitan Penyakit Kusta	Bayaran Insentif Bagi Anggota Perubatan Kerana Merawat Pesakit Kusta
21. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya Kerana Merawat Pesakit Otak	Bayaran Insentif Bagi Anggota Perubatan Kerana Merawat Pesakit Otak
22. Elaun Khas Menyelam	Bayaran Insentif Menyelam

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
23.	Elaun Khas Pencegah Jabatan Kastam	Bayaran Insentif Pencegah Jabatan Kastam.
24.	Elaun Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)	Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)
25.	Elaun Khas Setiausaha Hakim	Bayaran Insentif Setiausaha Hakim
26.	Elaun Gantian Tetap Pegawai- pegawai Taman Negara (Jabatan Perhilitan)	Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara (Jabatan Perhilitan)
27.	Elaun Kesusahan Taman Negara	Bayaran Insentif Kesusahan Bertugas Di Taman Negara
28.	Elaun Hidup Susah	Bayaran Insentif Pedalaman
29.	Elaun Khas Selatan Thailand	
30.	Elaun Singapura	Bayaran Insentif Thailand dan Singapura
31.	Tambahan Elaun Singapura	

**C. Elaun Tanggungjawab
Tambahan/
Bayaran Balik Perbelanjaan**

- | | |
|--|---------------|
| 1. Elaun Pembantu Khas | Tidak Berubah |
| 2. Elaun Tugas Khas Pegawai
Jabatan Penjara | Tidak Berubah |
| 3. Elaun Sebat | Tidak Berubah |
| 4. Elaun Tanggungjawab
Pegawai Perkhidmatan
Pendidikan | Tidak Berubah |
| 5. Elaun Tugas Memandu
Kenderaan | Tidak Berubah |
| 6. Elaun Pentadbiran Perubatan
Hospital | Tidak Berubah |
| 7. Elaun Pegawai Perubatan
Yang Dilantik Sebagai
Pendaftar | Tidak Berubah |
| 8. Elaun Warden Asrama | Tidak Berubah |
| 9. Elaun Penyelia Bilik Taip | Tidak Berubah |
| 10. Elaun Memangku | Tidak Berubah |

11. Elaun Tanggungan Kerja	Tidak Berubah
12. Bayaran Saguhati Pensyarah Sambilan	Tidak Berubah
13. Bayaran Syarahan Sambilan	Tidak Berubah
14. Elaun Khas Mengendali Reaktor Nuklear	Tidak Berubah
15. Elaun Pejabat Pos Bergerak	Tidak Berubah
16. Elaun Gerakan Pos	Tidak Berubah
17. Elaun Pesuruhjaya Sumpah	Tidak Berubah
18. Elaun Tilikan Trig <i>(Trigonometric Observation Allowance)</i>	Tidak Berubah
19. Elaun Tugas Khas Penolong Pengurus Trafik	Tidak Berubah
20. Elaun Tugas Khas Pentadbiran	Tidak Berubah
21. Elaun Operator <i>Generator</i> Elektrik	Tidak Berubah

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
22.	Elaun Menyelia Kelas Malam	Tidak Berubah
23.	Elaun Khas Penolong Pemungut Hasil Tanah	Tidak Berubah
24.	Elaun <i>Varityper</i>	Tidak Berubah
25.	Elaun Perjalanan Bagi Anggota Yang Menggunakan Kenderaan Yang Bukan Kepunyaan Sendiri Semasa Menjalani Tugas Rasmi	Tidak Berubah
26.	Elaun Semasa Menghadiri Peperiksaan Atau Temuduga Di Bawah Urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)	Tidak Berubah
27.	Elaun Gantian Tetap Perbatuan Di Badan-badan Berkanun	Tidak Berubah
28.	Elaun Makan	Tidak Berubah
29.	Elaun Harian	Tidak Berubah
30.	Elaun Perjalanan Motobot/atau Motosangkut	Tidak Berubah

31. Bayaran Perbelanjaan Pengangkutan	Tidak Berubah
32. Bayaran Semasa Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Ibu Pejabat - Belanja Pelbagai	Tidak Berubah
33. Bayaran Bantuan Gaji Drebar	Tidak Berubah
34. Elaun Bantuan Gaji Drebar	Tidak Berubah
35. Bayaran Balik Lesen Memandu	Tidak Berubah
36. Elaun Dan Bayaran Balik Kerana Menghadiri Istiadat Pengurniaan	Tidak Berubah
37. Elaun Hidup Drebar	Tidak Berubah
38. Elaun Kerana Hadir Di Mahkamah	Tidak Berubah
39. Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' Bagi Anggota Yang Bergaji Kurang Daripada \$914 sebulan	Tidak Berubah
40. Elaun Untuk Isteri Atau Suami Yang Dikehendaki Mengiringi Anggota Semasa Menghadiri Majlis Rasmi	Tidak Berubah

41. Elaun Perjalanan Kenderaan Dalam Kawasan Ibu Pejabat Selepas Waktu Pejabat Biasa	Tidak Berubah
42. Bayaran Balik Sewa Hotel	Tidak Berubah
43. Elaun Lojing	Tidak Berubah
44. Elaun Basikal	Tidak Berubah
45. Tambang Gantian	Tidak Berubah
46. Elaun Luar Penghulu	Tidak Berubah
47. Elaun Kadastra	Tidak Berubah
48. Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah	Tidak Berubah
49. Bekalan Elektrik Dan Air Percuma	Tidak Berubah
50. Bayaran Bantuan Orang Gaji	Tidak Berubah
51. Elaun Pakaian Panas	Tidak Berubah
52. Elaun Gantian Tetap	Tidak Berubah
53. Elaun Gantian Tetap (Bertugas Di Luar Negeri)	Tidak Berubah
54. Belanja Pelbagai (Bertugas Di Luar Negeri)	Tidak Berubah

55. Elaun Lebih Masa	Tidak Berubah
56. Elaun Dan Bayaran Semasa Bertukar Atau Berpindah Rumah Dalam Negeri – Perbelanjaan Pengangkutan	Tidak Berubah
57. Tuntutan Elaun-elaun Kerana Berpindah Dari Rumah Sewa/Sendiri/Tumpangan Ke Rumah Yang Dibeli Melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Dan Perpindahan Di Luar Kawalan	Tidak Berubah
58. Bayaran Balik Pasport Terhad	Tidak Berubah
59. Elaun Perjalanan Kenderaan	Tidak Berubah
60. Bayaran Perjalanan Kapal Terbang	Tidak Berubah
61. Tambang Perjalanan Anggota Semasa Lantikan Pertama	Tidak Berubah
62. Elaun Gangguan	Tidak Berubah

- | | |
|--|---------------|
| 63. Bayaran Tambang Dan Elaun Hidup
Kepada
Anggota-anggota Yang Dipanggil Untuk
Bertugas Semula Ketika Bercuti Di
Malaysia | Tidak Berubah |
| 64. Bayaran Pakaian Istiadat | Tidak Berubah |

LAMPIRAN D2

**IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA
DAN GRED KHAS**

IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA DAN GRED KHAS

<i>Gred</i>	<i>Jawatan Utama</i>	<i>Jawatan Gred Khas</i>
Ketua Setiausaha Negara	\$4,000	---
Utama Turus I	\$3,000	---
Utama Turus II	\$3,000	---
Utama Turus III	\$3,000	---
Gred 'A'	\$2,500	\$2,000
Gred 'B'	\$1,500	\$1,200
Gred 'C'	\$1,000	\$800

LAMPIRAN D3

SENARAI ELAUN

YANG DIGUGURKAN

SENARAI ELAUN YANG DIGUGURKAN

1. Elaun Jalur
2. Elaun Keretapi Mel
3. Elaun Khas Pegawai Perubatan Institut Penyelidikan Perubatan
4. Elaun Perintah (*Command Allowance*)
5. Elaun *Pot Plant*
6. Elaun Kelakuan Baik
7. Elaun Bahaya Pancaran *Radiation*
8. Elaun Bisa Ular
9. Elaun Debu
10. Elaun Jentera Pemunggah *Forklift*
11. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya *Radiation*
12. Elaun *Tower*
13. Elaun Kesusahan Pulau Jerejak
14. Elaun Bukit
15. Elaun Penempatan Khas

16. Elaun Peti Merah
17. Bayaran Tinggal Di Atas Panggilan
18. Bayaran Untuk Pengarah
19. Elaun Menjaga Bagi Ketua Pos
20. Elaun Baju Kot/Pakaian Khas
21. Elaun Alat-alat Perkakas
22. Bayaran Subsidi Bagi Menjadi Ahli Kelab Sarawak
23. Elaun Persekolahan
24. Elaun Galakan Akauntan
25. Elaun Khas Jurutrengkas
26. Elaun Khas Guru-guru Sekolah Orang Asli Di Pedalaman
27. Elaun Khas Perkhidmatan Pendidikan

LAMPIRAN D4

**SENARAI KEMUDAHAN
YANG DIKALKAN**

SENARAI KEMUDAHAN YANG DIKEKALKAN

CUTI

1. Cuti Rehat
2. Cuti Sakit
3. Cuti Kerantina
4. Cuti Kecederaaan
5. Cuti Berkursus
6. Cuti Gantian
7. Cuti Untuk Membuat Kerja-kerja Penyelidikan
8. Cuti *Sabbatical*
9. Cuti Kecemasan
10. Cuti Sambilan (Guru)
11. Cuti Tugas Khas (Perubatan)
12. Cuti Mengambil Bahagian Dalam Olahraga/Sukan
13. Cuti Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas
14. Cuti Menghadiri Latihan Syarikat Kerjasama
15. Cuti-cuti Bagi Kursus Lain:
 - (i) Kursus-kursus Kepimpinan Belia Dan Bina Semangat
 - (ii) Kursus Kesatuan Sekerja Yang Diluluskan Oleh Kementerian Sumber Manusia
16. Cuti Latihan Pasukan Sukarela
17. Cuti Tanpa Rekod Menyertai Rombongan Kebudayaan
18. Cuti Sambilan
19. Cuti Tibi, Barah dan Kusta
20. Cuti Separuh Gaji

21. Cuti Tanpa Gaji
22. Cuti Sakit Lanjutan
23. Cuti Haji
24. Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan
25. Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan
26. Cuti Menghadiri Latihan Atau Khemah Tahunan Pertubuhan/Persatuan
27. Membawa Ke Hadapan Cuti Yang Tidak Dapat Diambil

Perumahan

28. Rumah Kediaman Kerajaan
29. Kemudahan Rumah Yang Disewa Oleh Kerajaan Untuk Anggota Yang Bertukar Wilayah

Perubatan

30. Rawatan Perubatan Di Hospital/Klinik Kerajaan
31. Rawatan Perubatan Di Luar Negeri
32. Rawatan Kecemasan Di Klinik Swasta Yang Berhampiran
33. Rawatan Untuk Anggota Jabatan Perubatan
34. Kelayakan Bayaran Wad
35. Rawatan Untuk Keluarga Anggota
36. Pemeriksaan Kesihatan
37. Rawatan Untuk Pelatih
38. Rawatan Di Luar Stesen

Kemudahan Lain

39. Tambang Belas Ikhsan Untuk Melawat Keluarga
40. Tambang Percuma Ke Luar Negeri
41. Tambang Mengunjungi Wilayah Asal

LAMPIRAN D5

**JADUAL PEMBERIAN ELAUN DAN
KEMUDAHAN MENGIKUT KATEGORI**

JADUAL PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	GRED GAJI																				
I	A1	B1	C1	DG1	DU1	DS1	E1	F1	G1	J1	KB1	KP1	KX1	L1	M1	N1	Q1	S1	U1	W1	
II	A2	B2	C2	DG2			E2	F2	G2	J2	KB2 KB3	KP2	KX2 KX3	L2	M2	N2	Q2	S2	U2	W2	
III					DU2	DS2															
IV	A3	B3	C3	DG3 DG7			E3	F3	G3	J3 J10	KB4 KB5	KP3	KX4 KX5	L3	M3	N3	Q3	S3	U3	W3	
V	A4								G4	J4						N4	Q4		U4- U6	W4	
VI		B4	C4	DG4 DG5			E4	F4	G5		KB6	KP4	KX6	L4		N5	Q5	S4	U7	W5	
VII	A5	B5	C5	DG6			E5	F5	G6	J5	KB7	KP5	KX7	L5		N6	Q6	S5	U8	W6	
VIII	A6	B6	C6				E6	F6	G7	J6	KB8 KB9	KP6	KX8 KX9	L6		N7	Q7	R1 R2	S6	U9 U11	W7

IX	A7	B7	C7	DG8		E7	F7	G8	J7	KB10	KP7 KP8	KX10	L7	N8 N9	Q8	R3	S7	U10 U12	W8
X	A8	B8	C8			E8	F8	G9	J8	KB11 KB12	KP9	KX11		N10	Q9	R4 R5	S8	U13	W9
XI	A9- A11	B9	C9			E9	F9	G10 G11	J9	KB13	KP10	KX12		N11- N13	Q10	R6- R11	S9	U14- U16	W10

Jadual ini membahagikan anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan kepada sebelas Kategori mengikut Gred Gaji selaras dengan Klasifikasi Perkhidmatan masing-masing. Kategori ini akan digunakan bagi semua pemberian elaun dan kemudahan melainkan dinyatakan sebaliknya, di mana Klasifikasi Perkhidmatan, Gred Perkhidmatan, Jawatan dan Pangkat digunakan.

LAMPIRAN D6

**SYARAT, KELAYAKAN SERTA
KADAR ELAUN DALAM SISTEM
SARAAN BARU BERDASARKAN
KAEDAH BARU**

**SYARAT, KELAYAKAN SERTA KADAR ELAUN DALAM
SISTEM SARAAAN BARU BERDASARKAN KAEDAH BARU**

A. IMBUHAN TETAP

1. Imbuhan Tetap Perumahan

Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan yang diperuntukkan dalam perenggan 7, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kadar dan kaedah pembayaran seperti berikut:

(a) Kumpulan Pengurusan Tertinggi

<i>Gred</i>	<i>kadar Sebulan</i>	
<i>Gred</i>	<i>Jawatan Utama</i>	<i>Jawatan Gred Khas</i>
Ketua Setiausaha Negara	\$3,000	-
Utama Turus I	\$2,500	-
Utama Turus II	\$2,500	-
Utama Turus III	\$2,500	-
Gred 'A'	\$2,000	\$2,000
Gred 'B'	\$1,600	\$1,600
Gred 'C'	\$1,300	\$1,300

(b) **Kumpulan Pengurusan Dan Profesional**

<i>Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
I	\$3,872 dan ke atas	\$750
I	\$3,564 hingga \$3,871	\$600
I	\$3,563 dan ke bawah	\$450
II	\$3,273 dan ke atas	\$450
II	\$3,272 dan ke bawah	\$350
III	\$3,138 dan ke atas	\$350

2. **Imbuan Tetap Khidmat Awam**

- (a) Imbuan Tetap Khidmat Awam yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1990 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
III	\$2,456 hingga \$3,137	\$300
III	\$2,455 dan ke bawah	\$170
IV	\$2,404 dan ke atas	\$300
IV	\$2,403 dan ke bawah	\$170
V	-	\$170

VI, VII	-	\$115
VIII, IX	-	\$ 80
X, XI	-	\$ 65

(b) Guru Sandaran dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Awam atas kadar berikut:

<i>Gred</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Guru Sandaran Berijazah DA1, DA2	\$170
Guru Sandaran Tidak Berijazah DB1	\$115
DB2, DB3	\$ 80

3. Imbuhan Tetap Keraian

Imbuhan Tetap Keraian yang diperuntukkan dalam perenggan 2, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kadar dan kaedah pembayaran seperti berikut:

(a) **Kumpulan Pengurusan Tertinggi**

<i>Gred</i>	<i>Kadar Sebulan</i>	
	<i>Jawatan Utama</i>	<i>Jawatan Gred Khas</i>
Ketua Setiausaha Negara	\$3,500	-
Utama Turus I	\$3,300	-
Utama Turus II	\$3,150	-
Utama Turus III	\$3,000	-

Gred 'A'	\$2,500	\$2,000
Gred 'B'	\$1,800	\$1,500
Gred 'C'	\$1,500	\$1,200

(b) **Kumpulan Pengurusan Dan Profesional**

<i>Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
I	\$3,872 dan ke atas	\$800
I	\$3,564 hingga \$3,871	\$600
I	\$3,563 dan ke bawah	\$550
II	\$3,273 dan ke atas	\$550
II	\$3,272 dan ke bawah	\$500
III	\$3,138 dan ke atas	\$500

B. BAYARAN INSENTIF

1. Bayaran Insentif Bomba

Bayaran insentif kepada Anggota Bomba adalah dikekalkan mengikut syarat dan kadar yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

(a) **Anggota Bomba yang bertugas 24 jam**

<i>Gred</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Ahli Bomba (KB 13)	\$60
Ahli Bomba Kanan (KB 12)	\$70
Ketua Ahli Bomba (KB 11)	\$70
Pegawai Bomba Tkt. I (KB 10)	\$80
Pegawai Bomba Tkt. II (KB 9)	\$80

(b) **Anggota Bomba Yang Bertugas 12 Jam**

<i>Gred</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Ahli Bomba (KB 13)	\$15
Ahli Bomba Kanan (KB 12)	\$17.50
Ketua Ahli Bomba (KB 11)	\$35
Pegawai Bomba Tkt. I (KB 10)	\$20
Pegawai Bomba Tkt. II (KB 9)	\$20

2. **Bayaran Insentif Badan Pencegah Rasuah**

Bayaran insentif kepada anggota yang berkhidmat di Bahagian Siasatan, Badan Pencegah Rasuah adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Gred/Jawatan</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Ketua Pengarah	-	\$500
Gred S1, S2	-	\$450

Gred S3	\$2,434 dan ke atas	\$400
Gred S3	\$2,433 dan ke bawah	\$375
Gred S4	\$1,913 dan ke atas	\$350
Gred S4	\$1,912 dan ke bawah	\$325
Gred S5	-	\$300
Gred S6	\$1,479 dan ke atas	\$200
Gred S6	\$1,478 dan ke bawah	\$150
Gred S7	-	\$120

3. Bayaran Insentif Pakar

Bayaran Insentif Pakar yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1990 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Gred/Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Gred Utama dan Gred Khas	-	\$2,400
I	\$3,872 dan ke atas	\$2,200
I	\$3,564 hingga \$3,871	\$1,900
I	\$3,563 dan ke bawah	\$1,700

II	\$3,273 dan ke atas	\$1,700
II	\$3,272 dan ke bawah	\$1,500
III	\$3,138 dan ke atas	\$1,500
III	\$2,456 hingga \$3,137	\$1,300
III	\$2,455 dan ke bawah	\$1,200
IV	\$2,404 dan ke atas	\$1,300
IV	\$2,403 dan ke bawah	\$1,200

4. Bayaran Insentif Wilayah

Bayaran Insentif Wilayah yang dibayar kepada anggota yang bertukar wilayah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 adalah dikekalkan. Elaun Penempatan Khas (Khas Untuk Penyandang) yang terus dibayar kepada anggota yang telah menerima elaun berkenaan sebelum 1 Januari 1988, adalah dibatalkan. Anggota berkenaan layak dibayar Bayaran Insentif Wilayah dan kemudahan-kemudahan lain berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987. Lingkungan gaji bagi menetapkan kadar Bayaran. Insentif Wilayah adalah dipinda seperti berikut:

<i>Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Memangku)</i>	<i>Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima</i>
Di bawah \$443	25%
\$443 - \$647	22.5%
\$648 - \$1,106	20%
\$1,107 - \$2,213	17.5%

\$2,214 - \$3,855	15%
\$3,856 dan ke atas	12%

5. Bayaran Insentif *Shunting Staff*

Bayaran Insentif *Shunting Staff* yang dibayar kepada *Shunting Staff* Keretapi Tanah Melayu yang mengendalikan tugas *Shunting* adalah dikekalkan berdasarkan kaedah pebayaran seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Gred R7	\$ 6
Gred R5	\$12

6. Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam

Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1990 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Gred U2 dan ke atas	-	\$700
Gred U3	\$2,481 dan ke atas	\$600
Gred U3	\$2,480 dan ke bawah	\$500
Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai kelulusan lepasan ijazah yang diiktiraf dalam bidang kesihatan awam tetapi diwartakan bagi tugas kesihatan awam		\$250

7. Bayaran Insentif Mengajar Kanak-kanak Cacat

Bayaran insentif sebanyak \$60 sebulan yang diberi kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar kanak-kanak cacat pendengaran dan penglihatan adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Bayaran ini juga dipanjangkan kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan mempunyai kelulusan khas dalam bidang tersebut.

8. Bayaran Insentif Pencegah Jabatan Kastam

Bayaran Insentif Pencegah yang dibayar kepada anggota Kastam yang bertugas di Bahagian Pencegah adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan Pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
IV dan ke atas	-	\$219
V, VI, VII	-	\$175
VIII	\$1,479 dan ke atas	\$123
VIII	\$1,478 dan ke bawah	\$ 88
IX	-	\$ 70
X, XI	-	\$ 53

9. **Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)**

Bayaran insentif kepada anggota Unit Pencegah Penyeludupan adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
IV dan ke atas	-	\$219
V, VI, VII	-	\$175
VIII	\$1,479 dan ke atas	\$123
VIII	\$1,478 dan ke bawah	\$ 88
IX	-	\$ 70
X, XI	-	\$ 53

10. **Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara (Jabatan Perhilitan)**

Bayaran insentif kepada pegawai Taman Negara (Jabatan Perhilitan) yang bertugas di luar Ibu Pejabat adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
IV dan ke atas	\$240
V, VI, VII	\$230
VIII, IX	\$220
X, XI	\$210

11. Bayaran Insentif Pedalaman

Bayaran Insentif Pedalaman yang diperuntukkan dalam perenggan 3.3 Lampiran 'C', Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980, adalah dikekalkan dengan pindaan, iaitu, diberi kepada anggota yang berkhidmat di kawasan terpencil dengan memenuhi dua daripada syarat-syarat berikut:

- (a) kesukaran perhubungan/pengangkutan:
 - (i) tiada kemudahan alat-alat perhubungan seperti telefon dan 'wireless';
 - (ii) terpaksa berjalan kaki atau menggunakan pelbagai kaedah pengangkutan untuk dihubungi seperti kenderaan bermotor dan perahu;
 - (iii) tiada kemudahan pengangkutan biasa; dan
 - (iv) mengambil masa perialanan yang panjang.
- (b) kemudahan asas yang kurang sempurna, iaitu:
 - (i) bekalan air bersih (safe water for consumption);
 - (ii) rumah kediaman yang sesuai (rumah papan yang mempunyai ruang dapur/tamu/bilik tidur);
 - (iii) elektrik (sekurang-kurangnya 12 jam sehari);
 - (iv) pusat bekalan (provision centres);
 - (v) klinik desa; dan
 - (iv) sekolah rendah.
- (c) tidak mempunyai kemudahan sosial:
 - (i) masjid;
 - (ii) dewan orang ramai; dan
 - (iii) tempat riadah.

12. Elaun Pembantu Khas

Elaun Pembantu Khas yang diperuntukkan dalam perenggan 4(c), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1988, adalah dikekalkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah penetapan anggota yang berkeelayakan seperti berikut:

- (i) \$30 sebulan kepada Jurutrengkas yang menjalankan tugas Pembantu Khas sepenuh masa kepada anggota Kategori I (bergaji \$3,871 dan ke bawah) dan Kategori II (bergaji \$3,273 dan ke atas).
- (ii) \$50 sebulan kepada Jurutrengkas yang menjalankan tugas Pembantu Khas sepenuh masa kepada anggota Kategori I bergaji \$3,872 dan ke atas serta Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas.

13. Elaun Pentadbiran Hospital

Elaun Pentadbiran Hospital yang dibayar kepada Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas tambahan Pentadbiran Hospital adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat dan kadar yang ditetapkan. Elaun ini dipanjangkan kepada pegawai-pegawai lain yang mempunyai kelulusan Ijazah Lanjutan Pentadbiran Hospital yang diiktiraf dan menjalankan tugas Pentadbiran Hospital. Kaedah pembayaran adalah ditetapkan seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Gred U2 dan ke atas	\$500
Gred U3	\$350
Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai Ijazah Lanjutan Pentadbiran Hospital	\$150
Pegawai lain yang mempunyai Ijazah Lanjutan Pentadbiran Hospital	\$150

14. Elaun Gerakan Pos

Elaun Gerakan Pos yang dibayar kepada Pegawai Kerani Pos dan Penolong Penguasa Pos yang bertugas di Bahagian Operasi adalah dikekalkan berdasarkan syarat-syarat dan kadar yang ditetapkan.

Lingkungan gaji bagi penetapan kadar adalah ditetapkan seperti berikut:

(a) Pegawai Kerani Pos

<i>Gred/Jawatan</i>	<i>Lingkungan Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Pegawai Kerani Pos (N9)	\$ 470 - \$ 685	\$ 40
	\$ 686 - \$ 793	\$ 50
	\$ 794 - \$ 912	\$ 60
	\$ 913 - \$1,106	\$ 70
	\$1,107 dan ke atas	\$ 80

<i>Gred/Jawatan</i>	<i>Lingkungan Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Pegawai Kerani Pos (N7) Tingkatan Khas	\$1,194 - \$1,478	\$ 90
Pegawai Kerani Pos (N7) Tingkatan Tertinggi	\$1,479 dan ke atas	\$100

(b) Penolong Penguasa Pos

<i>Gred</i>	<i>Lingkungan Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Penolong Penguasa Pos Tingkatan Biasa (S5)	\$724 - \$852	\$50
	\$853 - \$939	\$60
	\$940 - \$1,155	\$70
	\$1,156 - \$1,284	\$80
	\$1,285 - \$1,500	\$90

\$1,501 dan ke atas \$100

15. Elaun Pesuruhjaya Sumpah

Elaun Pesuruhjaya Sumpah yang dibayar kepada Jurubahasa Mahkamah, Pegawai Kerani dan anggota lain dalam Kategori VIII dan IX Yang diwartakan sebagai Pesuruhjaya Sumpah seperti diperuntukkan dalam perenggan 1 (d), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1975, adalah dikekalkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan atas kadar \$25.00 sebulan.

16. Elaun Gantian Tetap Persatuan Badan-badan Berkanun

Elaun Gantian Tetap Perbatuan yang dibayar kepada pemberita, wartawan, jurufoto dan pegawai pemasaran di BERNAMA, pegawai FELDA, KESEDAR dan FELCRA adalah dikekalkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan atas kadar berikut:

- (a) BERNAMA - \$200 sebulan bagi anggota yang mempunyai kereta sendiri.
- \$100 sebulan bagi anggota yang tidak mempunyai kereta sendiri.

	<i>Lingkungan Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
(b)		
FELDA		
KESEDAR	\$616 dan ke atas	\$60
FELCRA	\$400 - \$615	\$55
	\$399 dan ke bawah	\$50

17. **Bayaran Bantuan Gaji Drebar**

Bayaran Bantuan Gaji Drebar Yang diperuntukkan dalam perenggan 14 dan 15, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980, adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada anggota berkelayakan iaitu anggota Jawatan Gred Khas 'A' serta Jawatan Utama 'B' dan ke atas.

18. **Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' Bagi Anggota Yang Bergaji Kurang Daripada \$914 Sebulan**

Gaji anggota yang layak dipertimbangkan Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' berdasarkan Surat Pekeliling Bil. 3 Tahun 1984 dipinda daripada \$820 sebulan kepada \$914 sebulan.

19. **Elaun Luar Penghulu**

Elaun Luar Penghulu yang diperuntukkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1979 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Jawatan</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Penghulu	\$1,472 dan ke atas	\$200
Penghulu	1,471 dan ke bawah	\$150

20. **Elaun Kadastra**

Elaun kadastra bagi anggota pasukan ukur Kadastra dan Topografi adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada kaedah pembayaran seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Dalam Kawasan Ibu Pejabat</i>		<i>Kawasan Biasa Di Luar Kawasan Ibu Pejabat</i>		<i>Kawasan Hutan Dan Merbahaya</i>		<i>Pengukuran Sempadan Malaysia/ Thailand</i>
	<i>Sebulan \$</i>	<i>Sehari \$</i>	<i>Sebulan \$</i>	<i>Sehari \$</i>	<i>Sebulan \$</i>	<i>Sehari \$</i>	<i>Sehari \$</i>
Juru Ukur							
Gred J3	200.00	6.65	500.00	16.65	560.00	18.65	48.00
Gred J4	190.00	6.30	468.00	15.60	520.00	27.30	45.00
Gred J5	175.00	5.80	425.00	14.15	477.00	15.90	42.00
Gred J6	160.00	5.30	390.00	13.00	412.00	14.05	39.00
Gred J7	145.00	4.90	344.00	11.45	407.00	13.55	26.00
Gred J8	130.00	4.30	321.00	10.70	373.00	12.40	34.00
Gred J9	110.00	3.65	286.00	9.50	338.00	11.25	31.00

Penjelasan

Semua anggota Kumpulan Perkhidmatan Sokongan (mahir, separuh mahir dan tidak mahir) Gred R1 hingga R11 cuma layak menerima kadar elaun kerja luar bagi Gred J9.

21. Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah

Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah seperti diperuntukkan dalam perenggan 10, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980, adalah dikekalkan dengan pindaan kepada anggota yang berkelayakan seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Kadar Setahun</i>
Ketua Setiausaha Negara	\$2,000
Utama Turus I	\$1,500
Utama Turus II	\$1,500
Utama Turus III	\$1,500
Gred Utama 'A' dan Gred Khas 'A'	\$1,000

22. Bekalan Elektrik Dan Air Percuma

Bayaran sebenar bekalan air dan elektrik bagi rumah kediaman yang diduduki seperti diperuntukkan dalam perenggan 11, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada anggota yang berkelayakan, iaitu, daripada pegawai Tingkatan Tertinggi 'A' dan ke atas kepada anggota Gred Khas 'A' serta Jawatan Utama 'A' dan ke atas.

23. Bayaran Bantuan Orang Gaji

Bayaran Bantuan Orang Gaji seperti diperuntukkan dalam perenggan 12 dan 13, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980, adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan kepada anggota yang berkelayakan seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Kelayakan</i>
Ketua Setiausaha Negara	2 orang gaji
Utama Turus I	2 orang gaji
Utama Turus II	2 orang gaji
Utama Turus III	2 orang gaji

Gred Utama 'A' dan Gred Khas 'A'

1 orang gaji

24. **Elaun Lebih Masa**

Peruntukan Elaun Lebih Masa seperti dalam:

- 24.1. Perintah Am Bab 'G' ;
- 24.2. Perintah Am 40, Bab 'C' ;
- 24.3. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1968;
- 24.4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.16 Tahun 1975;
- 24.5. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977;
- 24.6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977;
- 24.7. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 24 Tahun 1977;
- 24.8. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 Tahun 1977;
- 24.9. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1980;
- 24.10. Surat JPA. 256/9/23 Bhg.1/Klt.2/(36) (1.4.1986);
- 24.11. Surat JPA. 256/9/23 Bhg.1/Klt.2/(60) (1.10.1986);
- 24.12. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1989; dan
- 24.13. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1990,

adalah dikekalkan dengan pindaan seperti berikut:

- (a) kemudahan ini juga dipanjangkan kepada semua anggota dalam kumpulan sokongan kecuali anggota-anggota dalam

perkhidmatan Polis, Penjara, Bomba dan Tentera; dan

- (b) corak kerja lebih masa juga adalah meliputi semua jenis tugas seperti perkhidmatan kaunter, pemerosesan, penyeliaan dan pengawasan dengan tertakluk kepada syarat-syarat kerja seperti berikut:
- (i) kerja-kerja kecemasan;
 - (ii) kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan kepada hari berikutnya oleh sebab penangguhan itu boleh memudaratkan perkhidmatan;
 - (iii) kerja-kerja yang dikehendaki dibuat oleh anggota melebihi daripada bidang tugas biasanya; dan
 - (iv) kerja-kerja yang perlu diuruskan dalam jangkamasa yang terhad.

25. Tuntutan Elaun-elaun kerana Berpindah Dari Rumah Sewa/Sendiri/Tumpangan Ke Rumah Yang Dibeli Melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Dan Perpindahan Di Luar Kawalan

Elaun berpindah rumah yang dibayar mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1989 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan-pindaan iaitu:

- (i) lingkungan 33 kilometer adalah dibatalkan; dan
- (ii) anggota berkenaan hendaklah mendiami rumah tersebut.

26. Bayaran Balik Paspot

Peruntukan Bayaran Balik Paspot Terhad melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1969 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Kemudahan ini adalah juga dipanjangkan untuk Paspot Antarabangsa bagi anggota yang menjalankan tugas rasmi di luar negeri.

27. Bayaran Tambang Dan Elaun Hidup Kepada Anggota Yang Dipanggil Untuk Bertugas Semula Ketika Bercuti Di Malaysia

Kemudahan ini seperti diperuntukkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1972 adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang dipinda, iaitu, kemudahan ini dihadkan kepada anggota yang bercuti di Malaysia sahaja.

28. **Bayaran Pakaian Istiadat**

Bayaran Pakaian Istiadat seperti diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1989 adalah dikekalkan atas kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada semua anggota perkhidmatan yang dikehendaki memakai pakaian istiadat semasa menghadiri upacara rasmi.

29. **Bayaran Insentif Thailand dan Singapura**

Peruntukan berhubung dengan Bayaran Insentif Selatan Thailand, Singapura dan Tambahan Bayaran Insentif Singapura adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dan diseragamkan seperti berikut:

(a) **Anggota yang bertugas di Selatan Thailand**

<i>Jawatan</i>	<i>Kadar Sebulan</i>
Leftenan Kolonel/Penguasa Polis	\$480
Mejar/Kapten, Timbalan Penguasa/ Penolong Penguasa Polis	\$450
Leftenan/Leftenan Muda, Ketua Inspektor dan Inspektor	\$390
Sarjan hingga Pegawai Waran I, Sarjan hingga Sab-Inspektor	\$330
Prebet hingga Koperal, Konstabel hingga Koperal	\$300
Anggota Perkhidmatan lain	\$330

(b) **Anggota yang bertugas di Singapura**

- (i) Anggota selain daripada yang berkhidmat dalam perkhidmatan luar negeri yang ditempatkan dan tinggal di stesen di Singapura layak menuntut Bayaran Insentif Singapura berasaskan kepada kadar 20% daripada gaji pokok tertakluk kepada had minimum S\$100 dan had maksimum S\$250 bagi anggota yang berkeluarga, dan 17.5% daripada gaji pokok tertakluk kepada had minimum

S\$90 dan had maksimum S\$220 bagi anggota bujang.

- (ii) Selain daripada Bayaran Insentif di atas, anggota juga layak menerima **Tambahan Bayaran Insentif Singapura** atas kaedah yang berpinda seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kadar Sebulan (S\$)</i>
I dan II	-	\$1,000
III	\$2,456 dan ke atas	\$1,000
IV	\$2,404 dan ke atas	\$1,000
III	\$2,455 dan ke atas	\$ 800
IV	\$2,403 dan ke bawah	\$ 800
V dan VI	\$ 1,913 dan ke atas	\$ 600
V dan VI	\$1,912 dan ke bawah	\$ 550
VII	-	\$ 450
VIII	\$1,479 dan ke atas	\$ 400
VIII	\$1,478 dan ke bawah	\$ 350
IX, X dan XI	-	\$ 300

LAMPIRAN D7

SYARAT, KELAYAKAN SERTA KADAR

KEMUDAHAN DALAM SISTEM

SARAAN BARU BERDASARKAN

KAEDAH BARU

**SYARAT, KELAYAKAN SERTA KADAR KEMUDAHAN
DALAM SISTEM SARAAAN BARU BERDASARKAN KAEDAH BARU**

1. Kadar Cuti Rehat

Kadar Cuti Rehat yang diperuntukkan dalam Perintah Am 8 (a) Bab 'C' bagi anggota yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Dalam Negeri dan Perkhidmatan Luar Negeri, adalah diseragamkan seperti berikut:

<i>Gred/Kategori</i>	<i>Di Bawah 10 Tahun Perkhidmatan</i>	<i>Genap 10 Tahun Perkhidmatan Dan Lebih</i>
Gred Khas dan ke atas dan Kategori I-VI	30 hari	35 hari
Kategori VII-VIII	25 hari	30 hari
Kategori IX-XI	20 hari	25 hari

2. Membawa Ke Hadapan Cuti Yang Tidak Dapat Diambil

Kemudahan Membawa Ke Hadapan Cuti Yang Tidak Dapat Diambil seperti diperuntukkan dalam Perintah Am 11 Bab 'C' adalah dipinda, iaitu, anggota dibenarkan mengumpul baki cuti rehatnya yang ia berkecukupan dalam tempoh dua tahun perkhidmatan, ke tahun ketiga. Cuti tahun pertama yang tidak dihabiskan dalam tahun ketiga akan luput pada akhir tahun ketiga itu.

3. Cuti Separuh Gaji

Kemudahan Cuti Separuh Gaji dalam Perintah Am 13 (a) Bab 'C' diberi atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat sahaja. Kemudahan bagi anggota atas sebab-sebab kesihatannya diliputi dalam peruntukan Cuti Sakit Lanjutan.

4. Cuti Tanpa Gaji

Kemudahan Cuti Tanpa Gaji dalam Perintah Am 14 Bab 'C' adalah dikekalkan dengan pindaan-pindaan berikut:

- (a) Had maksimum Cuti Tanpa Gaji dalam Perintah Am 14 (a) dipinda ke 360 hari.

- (b) Syarat minimum layak memohon Cuti Tanpa Gaji Perintah Am 14 (b) dan (c) diselaraskan kepada 6 bulan perkhidmatan yang melayakkan sahaja,
- (c) Baki Cuti Tanpa Gaji yang belum diambil boleh digunakan selagi tidak mencapai had maksimum yang dibenar berasaskan perkhidmatan yang melayakkan.

5. **Cuti Sakit Lanjutan**

Kemudahan Cuti Sakit Lanjutan dalam Perintah Am 22 Bab 'C' dikekalkan dengan pindaan-pindaan berikut:

- (a) selepas cuti sakit bergaji penuh selama 180 hari dan juga cuti rehat yang berkelayakan ketika itu telah digunakan, anggota yang masih tidak sihat untuk bertugas semula boleh diberi **Cuti Separuh Gaji** sehingga 90 hari dengan perakuan Lembaga Perubatan. Sementara menunggu Laporan Lembaga Perubatan, sijil sakit boleh diterima bagi tujuan Cuti Separuh Gaji tersebut. Anggota hendaklah diberi **Cuti Tanpa Gaji** jika tidak mengemukakan sijil sakit bagi tempoh menunggu Laporan Lembaga Perubatan berkenaan;
- (b) jika anggota masih tidak sihat dan diperakukan oleh Lembaga Perubatan sebagai ada harapan untuk sembuh, anggota itu masih boleh diberi cuti sakit, iaitu, secara Cuti Tanpa Gaji tidak melebihi 90 hari dengan diberi **Elaun Bantuan bersamaan separuh gaji**;
- (c) kemudahan cuti sakit lanjutan ini diberi dalam satu tahun kalendar; dan
- (d) kemudahan ini boleh diulangi dalam tahun kedua. Selepas tempoh tersebut jika anggota masih belum sembuh, beliau boleh dibersarakan dengan perakuan Lembaga Perubatan.

6. **Cuti Haji**

Kemudahan mengenai Cuti Haji dalam Perintah Am 34 dan 35 Bab 'C' dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1984 adalah dikekalkan dengan pindaan berikut:

- (a) Cuti Haji boleh diluluskan kepada anggota beragama Islam yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan; dan
- (b) Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada anggota berjawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 6 tahun secara berterusan.

7. **Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan**

Kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan dalam Perintah Am 38 Bab 'C' dikekalkan dengan pindaan, iaitu, tempoh cuti selepas berkursus dihadkan sehingga tujuh hari jika anggota masih mempunyai baki cuti rehat sebelum pergi berkursus. Bagi guru-guru, kemudahan ini juga diberi jika mereka masih mempunyai baki Cuti Sambilan sebelum pergi kursus.

8. **Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan**

Kemudahan Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan dalam Perintah Am 44 Bab 'C' dipinda dengan menggantikan **masa** peperiksaan kepada **hari** peperiksaan.

9. **Cuti Menghadiri Latihan Atau Khemah Tahunan Pertubuhan/Persatuan**

Kemudahan Cuti Tanpa Rekod dalam Perintah Am 42 (a) Bab 'C' diperluaskan aktivitinya kepada menghadiri mesyuarat agung tahunan, mesyuarat luar biasa, khemah latihan tahunan, seminar dan aktiviti-aktiviti sukan anjuran pertubuhan/persatuan berkaitan di Malaysia sahaja. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada aktiviti-aktiviti serupa anjuran Persatuan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-jabatan Kerajaan, yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan diiktiraf oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

10. **Cuti Tibi, Kusta Dan Barah**

Kemudahan mengenai cuti sakit ini seperti dalam Perintah Am 31 (a) dan (b) Bab 'C' adalah dikekalkan dengan pindaan-pindaan berikut:

- (a) cuti sakit bergaji penuh yang tidak melebihi 24 bulan dibenarkan untuk pesakit barah dan kusta dan tidak melebihi 12 bulan bagi pesakit tibi dengan tidak mengira sebarang cuti sakit yang telah diambilnya kerana penyakit-penyakit lain;
- (b) kemudahan (a) juga diberi kepada jenis penyakit yang setaraf dengan penyakit tibi, kusta dan barah, yang memerlukan tempoh rawatan yang panjang untuk pulih. Jenis penyakit yang dimaksudkan hendaklah diperakukan oleh sebuah Lembaga Perubatan;
- (c) setelah menghabiskan cuti di (a) dan (b) anggota boleh mengambil cuti rehat yang ia masih berkelayakan;
- (d) Cuti Separuh Gaji yang tidak melebihi 12 bulan boleh diberi setelah tamatnya cuti di (a) hingga (c); dan

- (e) setelah menghabiskan semua cuti di (a) hingga (d) tiada apa-apa cuti yang boleh diberi lagi melainkan atas budi bicara Kuasa Tertentu, setelah meneliti Laporan Lembaga Perubatan. Kuasa Tertentu boleh menimbang apa-apa cuti tambahan sama ada bergaji penuh atau separuh gaji atau anggota itu boleh dibersarakan daripada perkhidmatan.

11. Rumah Kediaman Kerajaan

Lampiran 'A' Perintah Am 4 Bab 'E' adalah dipinda seperti berikut:

<i>Gred/Kategori</i>	<i>Gaji</i>	<i>Kelas Rumah</i>
Gred Khas 'B' dan ke atas	-	A
Gred Khas 'C'	-	B
Kategori I	\$3,564 dan ke atas	B
Kategori I	\$3,563 dan ke bawah	C
Kategori II	-	C
Kategori III	\$2,456 dan ke atas	C
Kategori IV	\$2,404 dan ke atas	C
Kategori III	\$2,455 dan ke bawah	D
Kategori IV	\$2,403 dan ke bawah	D
Kategori V	\$1,849 dan ke atas	D
Kategori VI	\$1,913 dan ke atas	D
Kategori V	\$1,848 dan ke bawah	E

Kategori VI	\$1,912 dan ke bawah	E
Kategori VII	-	E
Kategori VIII	-	F
Kategori IX dan X	-	G
Kategori XI	-	H, I, J

12. Tafsiran Keluarga Anggota

Istilah keluarga dalam Perintah Am 1 (iii) Bab 'F' adalah dikekalkan dengan pindaan, iaitu, bagi anak yang **daif**, ianya tidak mengambilkira sama ada kedaifan wujud atau berlaku sebelum atau selepas had umur di bawah tanggungan seperti yang ditetapkan.

13. Kelayakan Dan Kadar Bayaran Wad

Kelayakan wad dalam perenggan 1.1 Lampiran 'C', Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980, adalah dipinda seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Kelas Wad</i>	<i>Bayaran Sehari</i>
Gred Khas dan ke atas, Kategori I hingga III yang bergaji \$3,138 dan ke atas	Kelas I bilik seorang	\$10.00
Kategori III yang bergaji \$3,137 dan ke bawah hingga Kategori VI	Kelas I bilik berdua	\$ 8.00
Kategori VII hingga VIII	Kelas I bilik bertiga	\$ 6.00
Kategori IX hingga XI	Kelas Dua	\$ 3.00
-	Kelas	Percuma

Tiga

14. **Rawatan Untuk Anggota Jabatan Perubatan**

Kemudahan dalam Perintah Am 28 Bab 'F' adalah dikekalkan dengan pindaan iaitu penggunaan ambulan diberi secara percuma.

15. **Rawatan Di Luar Stesen**

Peruntukan Rawatan Di Luar Stesen dalam Perintah Am 42 Bab 'B' adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan, iaitu, membenarkan seorang pengiring jika diperakukan oleh Pegawai Perubatan tempatan. Pengiring adalah dibenarkan untuk menuntut elaun seolah-olah ia menjalankan tugas rasmi ketika mengiringi pesakit, tidak melebihi daripada lima hari berasaskan kepada kelayakan anggota berkenaan.

16. **Kemudahan Tambang Percuma**

Peraturan-peraturan mengenai kemudahan Tambang Percuma adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan Tambang Percuma yang diberi secara Khas Untuk Penyandang dalam perenggan 2.2 hingga 2.10 Lampiran 'C', Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980, dikekalkan.
- (b) Kemudahan yang diperuntukkan dalam perenggan 16, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980 untuk Tingkatan Tertinggi 'A' dan ke atas sekarang adalah diteruskan dan gred anggota dipinda kepada Gred Khas 'A' serta Jawatan Utama 'A' dan ke atas.

17. **Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal**

Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal yang diperuntukkan dalam perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987, adalah dikekalkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dengan pindaan, iaitu, anggota layak untuk menuntut tambang perjalanan dari tempat bertugas ke ibu kota wilayah asal.